



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

PAPARAN DIGITAL LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM) & LESEN MEMANDU MALAYSIA (LMM) MENYELESAIKAN KESULITAN RAKYAT

Saya telah menerima pelbagai maklum balas daripada orang ramai mengenai pelekat lesen kenderaan motor (LKM atau lebih dikenali sebagai 'roadtax') dan saya menghayati kesulitan yang telah dibangkitkan. Pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia telah berusaha untuk mencari jalan penyelesaian bagi meringankan kesulitan orang ramai melalui strategi pendigitalan.

Hari ini, sukacita saya mengumumkan bahawa Kementerian Pengangkutan Malaysia akan melaksanakan langkah digitalisasi dalam perkhidmatan teras Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), iaitu Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Persendirian.

Mulai 10 Februari 2023, pemilik kenderaan persendirian yang merupakan warganegara boleh menggunakan mod paparan LKM Digital (e-LKM) dan LMM Digital (e-LMM) melalui Portal Awam JPJ atau Aplikasi Mobile MyJPJ di bawah satu projek perintis (secara in-house).

Selaras dengan inisiatif ini, peruntukan di bawah Seksyen 20 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) di mana "setiap LKM hendaklah dilekatkan dan dipamerkan pada kenderaan yang berkenaan" tidak lagi akan dikuatkuasakan bagi kategori pemilik di bawah fasa pertama. Pengecualian ini akan diwartakan di bawah kuasa yang diberi kepada Menteri Pengangkutan di bawah Seksyen 127 (1) (b) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Inisiatif ini akan dilaksanakan secara berperingkat, dengan fasa pertama melibatkan kenderaan persendirian individu, termasuklah motosikal (warganegara), mengambil kira kesediaan sistem dan penerimaan awam terhadap pelaksanaannya sebelum peluasan pelaksanaannya ke fasa-fasa seterusnya.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Saya mengalu-alukan semua pemandu dan pemilik kenderaan untuk beralih ke platform digital. Dengan pendigitalan, keadaan sesak dan beratur panjang di kaunter JPJ akan berkurangan dan ini akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan keselesaan rakyat.

Untuk pemandu dan pemilik kenderaan yang belum bersedia, anda masih boleh memperoleh dan mengekalkan amalan memapar pelekat / kertas LKM dan menggunakan kad fizikal LMM dalam tempoh interim.

Untuk merealisasikan inisiatif pendigitalan tersebut, orang awam digalakkan mendaftar akaun masing-masing secara digital melalui portal awam JPJ [<https://public.jpj.gov.my/>] ataupun aplikasi mobile MyJPJ yang boleh dimuat turun dari *App Store*, *Play Store* ataupun *Huawei App Gallery*. Dengan adanya aplikasi MyJPJ di hujung jari, pengguna dapat menyemak butiran semasa dan membuat paparan LKM Digital dan LMM Digital apabila keadaan memerlukan.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh pelaksanaan fasa pertama ini, kategori pemilik atau pemegang lesen kenderaan yang masih **wajib** mempamerkan LKM dan mengemukakan kad LMM adalah seperti berikut:

Lesen Memandu Malaysia (LMM)	Lesen Kenderaan Motor (LKM)
1. Pemegang Lesen Belajar Memandu (LDL)	1. LKM Persendirian Syarikat
2. Pemegang Lesen Vokasional (PSV/GDL/KON)	2. Kenderaan Pemilikan Warganegara Asing
3. Pemegang Lesen Memandu Malaysia Bagi Warganegara Asing	3. Kenderaan Perdagangan Meliputi Kenderaan Barangan Dan Kenderaan Perkhidmatan Awam
4. Pemegang Lesen Memandu Negara Luar Oleh Pemandu Warganegara Asing (IDP)	





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Akhirnya, saya ingin menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan akan sentiasa dijalankan terhadap mana-mana pihak yang memandu kenderaan tanpa mempunyai LKM atau LMM yang sah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 20(1), 90 (1) dan 26(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sebarang pertanyaan berhubung inisiatif ini boleh disalurkan ke emel infodigital@jppj.gov.my atau menghubungi talian hotline JPJ iaitu 03-2724 2522. Orang awam juga boleh merujuk kepada Soalan Lazim (FAQ) yang disediakan di portal JPJ untuk maklumat lanjut.

**MENTERI PENGANGKUTAN
LOKE SIEW FOOK
10 FEBRUARI 2023**

-TAMAT-





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

LAMPIRAN - PAPARAN eLKM MELALUI MYJJPJ

MY MAXIS 10:53

← FAQ

Lesen Kenderaan Motor

BMF2737

BERKUATKUASA

Utama Peti Masuk (2) Direktori Profil

MY MAXIS 14:40

← FAQ

Lesen Kenderaan Motor

BMF145

TAMAT KUATKUASA

Utama Peti Masuk (2) Direktori Profil





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

LAMPIRAN - PAPARAN eLMM

The screenshot displays the eLMM mobile application interface. At the top, the status bar shows 'MY MAXIS' and the time '14:38'. Below the status bar is a navigation bar with a back arrow, the Malaysian flag, a 'FAQ' button, and a menu icon. The main content area features four service buttons: 'Kemaskini Profil', 'Senarai Kenderaan', 'Terma Penggunaan', and 'Tukar Kata Laluan'. Below these are two tabs: 'Lesen Memandu' (selected) and 'Lesen Kenderaan Motor'. The central focus is a digital representation of a Malaysian Driving Licence (LESEN MEMANDU) for a male user. The licence details are as follows:

Field	Value
Warganegara / Nationality	MALAYSIA
Kelas / Class	B2 D
Tempoh / Validity	27/10/2021 - 15/06/2022
Alamat / Address	47000 SUNGAI BULOH SELANGOR

Below the licence card, there is a red button labeled 'TAMAT KUATKUASA' and a QR code. At the bottom, a navigation bar contains four icons: 'Utama', 'Peti Masuk' (with a notification badge of '2'), 'Direktori', and 'Profil'.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Mengenai MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

013-2553623

Setiausaha Akhbar Menteri Pengangkutan
En. Lu Wei Hoong

017-446 7790

Pegawai Perhubungan Awam JPJ Ibu Pejabat Putrajaya
En Abdullah Mahyudin

012- 313 9451

Ketua Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pengangkutan
En. Muhammad Sabri Salleh

E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

